

Mahkamah Tinggi benar-tanggunghkan hukuman

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam membenarkan permohonan Datuk Seri Najib Razak menanggunghkan pelaksanaan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan ke atasnya sehingga rayuan didengar dan diputuskan di Mahkamah Rayuan.

Bagaimanapun Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali mengenakan syarat jumlah jaminan dikenakan ke atas bekas Perdana Menteri itu sebelum

ini ditambah RM1 juta dengan dua penjamin dan ia perlu dibayar hari ini.

Najib juga diarah melapor diri ke balai polis terdekat dua kali sebulan.

Mohd Nazlan dalam penghakimannya, berkata Najib berjaya menunjukkan keadaan istimewa bagi membolehkan mahkamah membenarkan permohonan penangguhan itu.

Terdahulu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam hujahan, berkata jika

“Anak guam saya turut dituduh di mahkamah lain, bagaimana saya akan mendapatkan arahan anak guam jika beliau dipenjarakan?”

Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, Peguam

mahkamah tidak membenarkan permohonan itu, ia akan menyebabkan prejudis kepada anak guamnya.

Beliau berkata, ia adalah kerana Najib turut didakwa dengan tuduhan di mahkamah lain dan ia akan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan arahan daripada anak guam.

Katanya, hampir semua permohonan seumpamanya di mahkamah rendah dibenarkan.

“Anak guam saya turut ditu-

duh di mahkamah lain, bagaimana saya akan mendapatkan arahan anak guam jika beliau dipenjarakan?, “Malah situasi pandemik COVID-19 ini lagi memburukkan keadaan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram membantah permohonan Najib itu kerana tertuduh mesti menunjukkan kepada mahkamah bahawa beliau benar-benar mempunyai keadaan istimewa.